

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 Disember 2016

SOALAN

Y.M. Engku Naimah bt Engku Taib minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh manakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan kursus keibubapaan bagi mengatasi masalah penganiayaan, pengabaian dan penderaan golongan kanak-kanak.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Peranan dan tanggungjawab ibu dan bapa pernah dilihat sebagai sesuatu yang begitu semulajadi dan tidak perlu dididik. Semua kanak-kanak akan membesar, menjadi dewasa dan bila tiba masanya mereka akan berkahwin dan seterusnya menjadi ibu bapa yang bertanggungjawab dan membesarkan anak mereka dengan penuh kasih sayang. Walau bagaimanapun, dengan peredaran masa dan masyarakat menjadi semakin moden dan kompleks, terdapat segolongan ibu bapa muda yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan peredaran masa yang begitu cepat. Tekanan kerja, masalah sesak lalu lintas, tekanan ekonomi dan lebih-lebih lagi dengan era dunia siber yang kian meningkatkan keinginan manusia dan kadang kala dalam kesibukan hidup ini terlupa akan tanggungjawab sebagai ibu bapa. Lantaran itu, berlaku masalah seperti penganiayaan, pengabaian dan penderaan kanak-kanak. Menyedari hakikat ini dan bagi membantu ibu bapa muda yang sesat tersebut, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menambah satu lagi pilihan kepada majistret/hakim semasa menjatuhkan hukuman dalam kes sedemikian iaitu hukuman mandatori terhadap ibu bapa yang antara lainnya termasuk kursus keibubapaan. Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016) [Akta A1511] telah diluluskan oleh Parlimen dan digazet pada 25 Julai 2016. Melalui pindaan ini, Seksyen 31 Akta A1511 (kesalahan penganiayaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak) dipinda untuk meningkatkan penalti denda dan pemenjaraan sedia ada. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 10 tahun kepada 20 tahun, denda dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000 atau kedua-duanya dengan khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori. Hukuman khidmat masyarakat ini, dengan izin, community service merupakan hukuman tambahan mandatori yang perlu memenuhi elemen hukuman, pengajaran, pemulihan dan penginsafan. Antara contoh khidmat masyarakat yang akan dilaksanakan ke atas pesalah ialah seperti membantu pengurusan penghuni di institusi kebajikan kanak-kanak seperti kerja-kerja pembersihan, jagaan dan aktiviti kanak-kanak. Dalam pada itu, kursus keibubapaan juga akan diberikan kepada pesalah dengan menggunakan Modul Keibubapaan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), dan mana-mana agensi yang berkaitan. Pesalah akan diinsafkan dengan memberi kemahiran keibubapaan (parenting skill) atau pemulihan psikologi (mengikut kesesuaian) dan memupuk kesedaran tentang kesalahan yang telah dilakukan supaya tidak berulang lagi pada masa depan. Dengan mewajibkan kursus keibubapaan ini, adalah diharapkan anak-anak yang lain tidak akan menjadi mangsa penderaan atau penganiayaan lagi serta dapat menjadi peringatan kepada ibu bapa lain.

